



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PUP)

SETIAUSAHA AKHBAR

26 JULAI 2022 (SELASA)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

26 JULAI 2022 (SELASA)

Penyelewengan, penyeludupan minyak masak peket bersubsidi

14 syarikat ditarik lesen, dihadapkan ke mahkamah

Oleh Rohaniza Idris,
Ahmad Suhaili Adnan
dan Mohamed Farid Nob
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan mula mengambil tindakan drastik terhadap syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi yang didapati melakukan penyelewengan, termasuk yang terhabit dalam kegiatan penyeludupan ke negara jiran.

Setakat ini, sekurang-kur-

riangnya 14 syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi sudah ditarik balik lesen dan dihadapkan ke mahkamah selepas dikesan menyeludup barang itu ke negara jiran.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata ia adalah antara tindakan tegas dilaksanakan kerajaan bagi mengatasi isu ketirisan minyak masak bersubsidi, yang dikesan dijual

secara terbuka di Thailand.

Baru-baru ini, *BH* mendakwa minyak masak peket satu kilogram dari negara ini dijual secara terbuka di wilayah sempadan Thailand-iaini Golok, Yala dan Narathiwat dengan harga antara RM6.50 hingga RM7.50 satu peket. Minyak masak bersubsidi itu dijual RM2.50 satu paket di Malaysia.

Nasional 4



Sistem audit bagi syarikat bungkus minyak

Dari Muka 1

"Kementerian tiada indeks ketirisan setakat ini, cuma kita sudah menarik balik lesen lebih daripada 14 syarikat (pembungkus minyak masak bersubsidi).

"Kita kini menunggu proses penghakiman di mahkamah berkaitan dengan isu ketirisan atau penyeludupan minyak masak ke negara jiran," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Ahmad Jazlan Yaakub (BN-Machang) yang bertanya sama ada kementerian itu mewujudkan indeks ketirisan serta jumlah syarikat ditarik balik lesen kerana menyeleweng minyak masak bersubsidi, selain peranan GLC dalam program minyak masak bersubsidi.

Rosol berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang meneliti peranan yang boleh dimainkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebagai pembungkus minyak masak bersubsidi untuk memastikan mereka boleh

menyumbang bagi mengatasi masalah ketirisan minyak masak ke luar negara.

Menjawab soalan asal Ahmad Jazlan sama ada kementerian bercadang meneruskan subsidi minyak masak tulen botol, Rosol memaklumkan, subsidi sementara untuk minyak masak botol satu hingga lima kilogram hanya dilaksanakan antara Ogos 2021 hingga Jun lalu.

COSS diteruskan

"Kerajaan masih meneruskan Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS), iaitu subsidi minyak masak dalam pek polibeg satu kilogram dengan harga jualan runcit RM2.50.

"Dalam tempoh 11 bulan hingga Jun lalu, subsidi diperuntukkan kerajaan untuk minyak masak satu, tiga dan lima kilogram adalah RM382,102,451.71," katanya.

Kepada soalan tambahan Datuk Seri Saifuddin Nasution Is-

mail (PH-Kulim-Banda Baharu) mengenai ikhtiar kerajaan untuk mengoptimalkan subsidi, memastikan ia sampai kepada kumpulan sasar dan penguatkuasaan, Rosol berkata, kementerian kini mewujudkan sistem audit bagi syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi.

"Melalui sistem audit ini, kita dapat melihat di mana kebocoran berlaku. Kita ada kesan ketirisan pada peringkat pembungkus seludup ke luar negara, dan ada juga pemborong seludup ke luar negara," katanya.

Di Johor, polis menumpas satu kes penyelewengan minyak masak peket bersubsidi selepas menahan seorang pemandu lori dan merampas 4,012 peket bernilai RM10,030, di Endau, Mersing, Rabu lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamalul Zaman Mamat, berkata pemandu lori yang berusia 28 tahun itu ditahan di sebuah premis stor ketika sedang memung-

gah minyak masak peket yang dipercayai untuk dibotolkan semula.

"Hasil siasatan mendapati stor itu dipercayai dijadikan pusat operasi bagi membotolkan semula minyak peket subsidi yang sepatutnya dibekal ke kedai serta pasar raya sekitar Mersing.

"Suspek yang ditahan diperdayai anggota satu sindiket."

"Modus operandi sindiket ini adalah membotolkan semula minyak masak peket bersubsidi dan menjualnya pada harga lebih tinggi bermula daripada RM11 mengikut saiz botol," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam di sini, semalam.

Kamarul Zaman menyifatkan kegiatan menyeleweng minyak masak bersubsidi itu sebagai pengkhianatan besar terhadap negara kerana minyak masak itu sepatutnya bagi keperluan golongan B40.

Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang memperuntukkan denda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau keduanya.



Rosol Wahid



KPDNHEP telah menarik balik lesen pembungkus minyak peket kepada lebih 14 premis selepas didapati terlibat dengan kes ketirisan atau penyeludupan. — GAMBAR HIASAN

Lebih 14 premis dikenakan tindakan

Tarik lesen syarikat seludup minyak peket

Oleh SYED MOHD HAZIQUE
+ SYED NOR

KUALA LUMPUR — Lebih 14 buah syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi telah dikenakan tindakan dengan menarik semula lesen dan didakwa di mahkamah sama ada terlibat dengan kes ketirisan atau penyeludupan ke negara jiran.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, setakat ini pihaknya tidak mempunyai indeks ketirisan mengenai kes tersebut.

"Cuma kita telah menarik balik lebih daripada 14 syarikat (pembungkus minyak masak bersubsidi) dan dalam proses penghakiman di mahkamah.

DEWAN RAKYAT



"Kita akan meneliti peranan syarikat berkaitan kerajaan sebagai pembungkus minyak masak bersubsidi bagi memastikan mereka boleh menyumbang untuk mengatasi masalah tersebut," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Ahmad Jazlan Yaakub (**BN-Machang**) di Dewan Rakyat semalam.

Dalam pada itu, Rosol menjelaskan kerajaan memantapkan

lagi penguatkuasaan dengan melakukan pengintipan dan sistem audit di semua syarikat yang diberi kebenaran pembungkus minyak bagi memastikan tiada kesalahan dilakukan.

"Melalui audit, kita akan dapat lihat di mana berlaku penyelewengan sekali gus dapat mengatasi masalah ketirisan dalam masa terdekat. Walaupun tidak semua, tetapi kita cuba kurangkan ketirisan yang berlaku," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (**PH-Kulim-Bandar Baharu**) mengenai ikhtiar kerajaan untuk mengoptimumkan subsidi, memastikan ia sampai kepada kumpulan sasar dan penguatkuasaan.

KPDNHEP sedia tambah baik Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersedia tambah baik perundangan sedia ada dalam Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dengan mengambil kira keperluan semasa selari perkembangan ekonomi.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, sekiranya perlu, kementerian tersebut akan mengadakan perbincangan dengan semua pihak berkepentingan bagi mendapatkan pandangan berhubung penambahbaikan undang-undang sedia ada itu.

Rosol berkata, ia bagi memastikan perundangan lebih efektif dikuatkuasakan oleh kementerian bagi tujuan kemudahan perdagangan dalam negeri.

"Kementerian telah menguatkuasakan mekanisme penentuan pencatutan melalui Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018.

"Setiap peniaga atau syarikat yang menjual atau menawarkan suatu barang atau caj bagi



Rosol sewaktu menjawab soalan pada Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Parlimen ke-14 bagi Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen pada Isnin.

suatu perkhidmatan perlu mematuhi perundangan tersebut.

"Ia mekanisme kawalan di peringkat kementerian terhadap peniaga atau syarikat supaya tidak berlaku aktiviti manipulasi untung dalam kalangan peniaga atau syarikat semasa menjual atau menawarkan suatu barang," katanya di Dewan Rakyat di sini, pada Isnin.

Beliau menjawab pertanyaan Datuk Seri Rohani Abdul Karim (GPS-Batang Lutar) yang memintanya menyatakan adakah KPDNHEP bersedia menambah baik undang-undang sedia ada

bagi tujuan fasilitasi perdagangan dalam negeri.

Menurutnya, sesi libat urus sentiasa diadakan antara pihak peniaga atau syarikat dengan kementerian bagi memastikan kepatuhan terhadap perundangan yang dikuatkuasakan.

"Ia melibatkan semua peringkat sama ada syarikat pengeluar atau pengilang,, pengedar atau peruncit termasuk penyedia perkhidmatan," katanya.

Tambah Rosol, buat masa ini perundangan sedia ada mencukupi bagi tujuan fasilitasi perdagangan dalam negeri.

HARI : SELASA
TARIKH : 26/07/2022
M/SURAT : 1





HARI : SELASA
 TARikh : 26/07/2022
 M/SURAT : 10

Oleh Ahmad
 Suhael Adnan
 Ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur

Sekurang-kurangnya 14 syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi ditarik semula lesen dan dihadapkan ke mahkamah selepas dikesan menyeludup barang itu ke negara jiran.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, itu antara tindakan tegas yang dilaksanakan kerajaan bagi mengatasi isu ketirisan minyak masak bersubsidi yang dikesan dijual secara terbuka di Thailand.

"Setakat ini kementerian tiada indeks ketirisan, cuma kita sudah menarik balik lebih daripada 14 syarikat (pembungkus minyak masak bersubsidi).

"Ketika ini, kita dalam proses penghakiman di mahkamah berkaitan dengan isu ketirisan atau penyeludupan minyak masak ke negara jiran.

"Kita juga akan meneliti peranan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebagai pembungkus minyak masak bersubsidi untuk memastikan mereka boleh menyumbang dalam mengatasi masalah ketirisan minyak ke luar negara," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Ahmad Jazlan Yaakub (BN-Machang)** yang bertanya sama ada kementerian itu mewujudkan indeks ketirisan serta jumlah syarikat yang ditarik balik lesen kerana menyeleweng minyak masak bersubsidi selain peranan GLC dalam program minyak masak bersubsidi.

Menjawab soalan asal Ahmad Jazlan sama ada kementerian bercadang me-

DEWAN RAKYAT

14 syarikat jadi pengkhianat!

Lesen syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi ditarik balik ekoran jadi penyeludup

neruskan subsidi minyak masak tulen botol, Rosol berkata, subsidi sementara untuk minyak masak botol satu hingga lima kilogram hanya dilaksanakan antara Ogos 2021 hingga Jun lalu.

Namun, katanya, penamat subsidi sementara itu tidak bererti kerajaan tidak prihatin pada beban rakyat yang berdepan isu kenaikan mendadak harga ba-

rangan mentah.

"Sehingga hari ini, kerajaan masih meneruskan Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) iaitu subsidi minyak masak dalam pek polibeg satu kilogram dengan harga jualan runcit RM2.50.

"Dalam tempoh 11 bulan hingga Jun lalu, subsidi yang diperuntukkan kerajaan untuk minyak masak satu, tiga dan lima kilogram adalah berjumlah

RM382,102,451.71.

"Ini untuk minyak masak sahaja. Ertinya jika turut mengambil kira subsidi untuk bahan lain seperti gas, petrol, gula dan sebagainya adalah lebih banyak lagi."

katanya.

Berhubung soalan tambahan **Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (PH-Ku-lim-Banda Baharu)** mengenai ikhtiar kerajaan untuk mengoptimalkan subsidi bagi memastikan ia sampai kepada kumpulan sasar dan penguatkuasaan, Rosol berkata, pihaknya mewujudkan sistem audit khusus terhadap syarikat yang membungkus minyak masak bersubsidi.

"Melalui sistem audit ini, kita dapat melihat di mana kebocoran berlaku. Kita ada kesan ketirisan di peringkat pembungkus seludup ke luar negara dan ada juga pemberong seludup ke luar negara.

"Melalui audit ini, kita yakin akan dapat sekurang-kurangnya mengurangkan ketirisan minyak masak subsidi ini dalam masa terdekat, jika tidak dapat atasi sepenuhnya masalah ini," katanya.

Kita juga akan meneliti peranan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebagai pembungkus minyak masak bersubsidi untuk memastikan mereka boleh menyumbang dalam mengatasi masalah ketirisan minyak ke luar negara"

Rosol Wahid



RM380mil in cooking oil subsidy

Initiative helped ease people's burden over past 11 months, says Rosol

MORE than RM380mil had been allocated for the bottled cooking oil subsidy in the past 11 months up to June under the temporary subsidies programme, says Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid.

He said the total subsidy for cooking oil in 1kg, 3kg and 5kg containers under the temporary subsidy and price control programme, which was in effect from August 2021 until June 2022, amounted to RM380,102,45.71.

"This is only for cooking oil," he

said, adding that subsidies for gas, petrol, sugar and other necessities were not included.

Rosol was responding to Karupaiya Mutusami (PH-Padang Serai)

on the cost of subsidies for necessities in the Dewan Rakyat yesterday.

Finance Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz said last month that the total amount of subsidies was expected to reach close to RM80bil this year, the largest in history.

Rosol also said the government had decided to discontinue the tem-

porary subsidies for 1kg, 3kg and 5kg bottled cooking oil from July 1.

"Ending the subsidies does not mean the government is not considerate towards the people due to the exponential rise in raw material prices," he said, adding that cooking oil in 1kg polybags continued to be sold at a subsidised price of RM2.50.

He said the temporary subsidies were given to alleviate the people's burden following the economic challenges that ensued from the Covid-19 pandemic and the rise in global crude palm oil prices that

had affected the price of bottled cooking oil.

Rosol added that due to the subsidies, the price of 5kg cooking oil was capped at RM29.70.

He was responding to a question by Datuk Ahmad Jazlan Yaakub (BN-Machang) on whether the ministry would continue the subsidy for bottled pure cooking oil until the end of this year to reduce the burden on the people.

Meanwhile, Rosol said 100 cases of abuse in the supply of subsidised cooking oil were recorded, with a

total seizure worth RM2.2mil from July 1-24 this year.

He said 12,417 premises were inspected through various operations, including Ops ATM (for chicken, eggs and cooking oil) and Ops Anti Sorok, while 117 complaints were received in the same period.

"For chicken and eggs, 157 cases were detected from inspections on 10,302 premises and seizures amounting to RM22,677 were recorded," Rosol told Datuk Seri Rohani Abdul Karim (GPS-Batang Lutar).

Kerajaan warta harga minyak botol

Ikut kaedah penentuan harga maksimum susulan sikap 'liat' industri untuk turunkan harga

Oleh NURUL HUDA
 HUSAIN
 SHAH ALAM

Kerajaan memutuskan untuk mewartakan harga minyak tulen botol dua hingga lima kilogram mengikut kaedah penentuan harga maksimum susulan sikap 'liat' industri menurunkan harga produk berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pasukan Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa berkata, pewartaan itu dijangka dilaksanakan Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam tempoh seminggu ini.

"Setelah genap dua minggu jawatankuasa (Jawatankuasa Pasukan Jihad Tangani Inflasi) memberikan tempoh untuk melihat harga diturunkan (pihak industri) tapi harga masih lagi tidak diturunkan."

"Ini bermakna mekanisme sedia ada iaitu berunding, minta pihak industri turunkan harga minyak masak botol nampaknya tidak berkesan menyebabkan kerajaan perlu membuat satu ketetapan lebih efektif bagi menjaga kepentingan orang ramai.

"Harga (minyak masak botol ditetapkan) berdasarkan pada harga minyak sawit dunia dan kita akan buat penyesuaian yang sewajarnya bagi mengekalkan margin keuntungan tertentu."

"Paling penting melalui penentuan kaedah harga baharu ini pihak industri tidak boleh mengambil untung berlebihan yang menyebabkan rakyat terpaksa



ANNUAR

membayar dengan harga mahal daripada sepatutnya," katanya dalam sidang akhbar di Pusat Media Parlimen di sini pada Isnin.

Tambahnya, perincian mengenai kaedah penentuan harga baharu itu akan diberikan oleh

memutuskan untuk menghentikan serta-merta pengeksportan minyak masak dalam bentuk peket.

Beliau berkata, tindakan itu diambil bagi mengelak wujudnya kekeliruan dengan minyak masak peket subsidi yang dijual di negara susulan berlaku penyeludupan minyak bersubsidi itu ke negara jiran.

"Hasil penguatkuasaan yang dilakukan di negara jiran mendapat terbukti ada minyak masak peket dijual tetapi ia bukan minyak masak subsidi, sebaliknya ada pihak yang mendapat kebenaran untuk eksport minyak masak dalam bentuk peket.

"Jadi, jawatankuasa mengambil ketetapan untuk menghentikan sebarang bentuk pengeksportan minyak masak dalam bentuk peket itu bagi mengelakkan kekeliruan dan lesen yang diberikan kepada pengilang untuk eksport minyak masak peket itu juga akan ditarik balik," katanya.

HARI : SELASA
TARIKH : 26/07/2022
M/SURAT : 2

Cooking oil ceiling price will be set soon, says Annuar

KUALA LUMPUR: The maximum ceiling price for bottled pure cooking oil is set to be gazetted soon, says Tan Sri Annuar Musa.

The chairman of the Special Task Force Against Inflation said there were enough provisions under current laws to allow the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry to gazette the ceiling prices for necessities.

The ceiling price, he added, would be based on the current global market price of palm oil.

"The gazette process is expected to be completed in a week," Annuar, who is also Communications and Multimedia Minister, told a press conference here yesterday.

"They can sell cheaper but not more than the maximum ceiling price gazetted by the ministry.

"They are no longer free to set the prices based on their wishes," he said, adding that this would prevent sellers from profiteering excessively.

To avoid confusion, the government would also ban the export of cooking oil in polybags immediately, said Annuar.

He noted that authorities had found that cooking oil in polybags were exported to neighbouring countries, with certain quarters having claimed that they were permitted to export the item.

The cooking oil sold abroad in polybags is not subsidised, but cooking oil in 1kg polybags sold locally is subsidised.

"The committee has followed up with the relevant agencies to stop the export of cooking oil as this creates confusion," he said, adding that the ministry would negotiate with the relevant stakeholders, especially those in charge of export licences.

He said engagement sessions would also be held with political party and student leaders, among others, and that seminars and information sharing would be organised.

"I welcome the views of all quarters including students," he said, adding that he welcomed the views expressed at last Saturday's #Turun protest.

HARI : SELASA
TARIKH : 26/07/2022
M/SURAT : 16



JOHOR

Pemandu lori
subahat botolkan
minyak masak
peket

23

Pemandu lori subahat botolkan minyak masak

Bekalan itu dijual semula pada harga bermula RM11

Oleh NOR AZURA MD AMIN
PASIR GUDANG

Sorang pemandu lori yang dipercayai bersubahat dengan sindiket penyelewengan minyak masak peket dengan membotolkan semula bahan itu di Endau Mersing ditahan dalam serbuan Rabu lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, lelaki berusia 28 tahun itu ditehan di kawasan stor kedai pada jam 7.15 malam.

"Taktik licik itu berjaya dikesan hasil risikan yang dijalankan. Hasil siasatan mendapat premis terbabit dijadikan tempat penyimpanan dan pembotolan minyak masak yang dijual semula pada harga bermula RM11.

"Sebanyak 4,012 peket minyak masak subsidi bernilai RM10,030 berjaya dirampas daripada sindiket," katanya pada sidang akhbar Ops Kontraban Polis Johor di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam di sini pada Isnin.

Hadir sama Timbalan Ketua Polis Johor, Datuk Khaw Kok Chin.

Menurut beliau, siasatan masih dilakukan bagi mengenal pasti bekalan minyak masak peket bersubsidi diperoleh sindiket dan senarai nama peng-



Kamarul Zaman pada sidang akhbar Ops Kontraban di IPD Seri Alam pada Isnin.

-usaha kedai runcit yang sepatutnya menerima bekalan minyak masak bersubsidi tersebut.

Katanya, minyak masak peket ini sepatutnya diedarkan ke kedai-kedai bagi memenuhi keperluan pembeli khususnya golongan B40.

"Tindakan ini adalah satu pengkhianatan kepada negara.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Suspek telah diserahkan kepada Pejabat Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP),

Johor untuk tindakan selanjutnya," jelas beliau.

Dalam pada itu, beliau berkata, polis Johor akan mempergiat operasi bagi membanteras aktiviti penyelewangan minyak masak yang membimbangkan ketika ini.

"Kita akan bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi menggembung tenaga bagi memastikan tidak berlaku penyelewangan," ujarnya.



KAMARUL ZAMAN (kanan) menunjukkan tong berisi minyak diesel yang berjaya dirampas dalam Op Kontraban Kontinen Johor di IPD, Bandar Seri Alam Masai, Johor Bahru semalam.

Polis bongkar sindiket seleweng minyak bersubsidi

Botolkan minyak peket, jual balik RM11

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

PASIR GUDANG — Kegiatan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi yang cuba mengaut keuntungan dengan memproses dan membotolkan semula bahan itu terbongkar setelah sebuah stor kedai di Endau, Mersing diserbu Rabu lalu.

Dalam serbuan pada pukul 7.15 pagi itu, polis menahan seorang lelaki berusia 28 tahun yang dipercayai pemandu lori di kawasan premis tersebut.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, premis tersebut dijadikan stor penyimpanan dan membotolkan semula minyak masak ke dalam botol pelbagai jenis dan dijual bermula harga RM11.

Beliau berkata, hasil risikan yang dijalankan, pihaknya telah

melakukan serbuan dan merampas 4,012 bungkus minyak masak bersubsidi bernilai RM10,030.

"Polis masih menyiasat bagaimana bekalan minyak masak diperolehi. Minyak masak bersubsidi ini dibotolkan semula untuk dijual semula pada harga yang lebih tinggi.

"Minyak masak ini sepatutnya diedar ke kedai-kedai bagi memenuhi keperluan pembeli khususnya golongan B40. Tindakan ini adalah satu pengkhianatan kepada negara," katanya pada sidang akbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam di sini semalam.

Kamarul Zaman berkata, pihaknya juga akan menyiasat senarai nama pengusaha kedai runcit yang sepatutnya menerima bekalan minyak masak bersubsidi tersebut.

Katanya, polis akan terus menjalankan siasatan bagi memburu saki baki sindiket yang terlibat serta dalang dan pemilik sebenar premis berkenan.

Tambahnya, pihak polis akan mempergiatkan operasi bagi membanteras aktiviti penyelewengan minyak masak yang membimbangkan ketika ini.

"Kita akan bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi menggembireng tenaga memastikan tidak akan berlaku penyelewangan."

"Melalui pasukan khas yang ditubuhkan, kita telah membuat risikan di seluruh negeri dan mendapatkati kegiatan ini semakin berkurangan kerana tahu polis sedang giat membuat serbuan," katanya.

Crooks are getting more creative

Syndicate using smaller trucks to refill tankers with subsidised diesel

By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

JOHOR BARU: The delivery trucks go from one petrol station to another to fill up. The two to six modified fuel drums they carry can each take 1,000 litres of diesel.

Once both are full, the delivery trucks go to a secluded area where a tanker lorry awaits. The fuel is transferred and the RM2.15 per litre diesel now in the tankers is sold to ships and factories at fat profits.

Syndicates that are buying subsidised goods only to sell them at regular prices are getting more creative.

In a raid on July 21, police uncovered an illegal subsidised diesel ring and arrested five locals and a foreigner at a warehouse in Seri Alam. About 77,000 litres of diesel, nine

lorries, two tanker lorries, four fuel drums and six fuel pumps were seized.

The suspects were among 25 men, including nine foreigners, arrested in 14 raids from July 20 to July 25 under Ops Kontraband conducted statewide. Close to RM2mil worth of contraband, including cigarettes and alcohol, was seized.

State police chief Commr Datuk Kamarul Zaman Mamat said the syndicate had been using delivery trucks equipped with modified fuel drums as they would not attract as much attention as huge tankers lorries.

He said a 28-year-old lorry driver was also arrested in Endau, Mersing, on July 20 after he was suspected of transferring cooking oil from 1kg plastic bags into bottles that are priced higher in the market.

The suspect was believed to have carried boxes filled with bags of cooking oil in a delivery lorry to a storehouse. Police found 4,012 plastic bags of oil worth a total of RM10,030.

"The bags, priced at RM2.50 each, were actually meant to be sold in sundry shops in rural areas for the B40 community in Mersing."

"The suspect repacked the oil into bottles of different sizes and then sold them at sundry shops, starting at RM11," Commr Kamarul Zaman said at the Seri Alam police headquarters here yesterday.

He said police were looking for others involved in the illegal activity and to locate the source of the suspect's supply.

They would also investigate the sundry shops that were suppose to receive the cooking oil, he added.




Illegal transport: Commr Kamarul Zaman inspecting the modified fuel pumps that were installed in a delivery truck, believed to be used by a syndicate to misappropriate subsidised diesel.

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : SELASA
TARIKH : 26/07/2022
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM6.99
• Daging Lembu Tempatan	RM36
• Daging Lembu Import	RM53.90

• Telur Gred A	RM12.60
• Ikan Kembung	RM8.90
• Miryak Masak	RM6.55

• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM2.50
• Bawang Putih	RM4.99

• Cili Merah	RM12
• Kubis Tempatan	RM3.20
• Tepung Gandung	RM2.60

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP